



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**13 SEPTEMBER 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,649 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 175,512 kes. Sebanyak 39 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Sandakan dan Tawau, lima (5) kes di Kota Belud dan Tuaran, empat (4) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Lahad Datu dan Papar manakala Sipitang, Kudat, Kinabatangan, Kunak, Pitas, Keningau, Penampang, Kalabakan dan Beluran masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,085 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 148,248 orang. Manakala 4,613 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,565 orang di hospital, 2,976 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 62 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 10 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 210 orang merangkumi 126 di ICU/repurposed kritikal care serta 84 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 71 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes keseluruhan bagi Sabah susut sedikit berbanding angka semalam. Hari ini jumlah kes yang dicatat ialah (1,649) kes penurunan sebanyak (-68) kes.
- b. Kes di Kota Kinabalu naik semula kepada 314 (+122) kes, Penampang naik (+97) kes, Keningau (+33) kes, Kinabatangan (+22) kes dan Tambunan (+25) kes. Sandakan turun (-117) kes, Tawau (-31) kes, Papar (-47) kes dan Kota Marudu (-57) kes. Terdapat (44) kes melibatkan OKT yang dicatat hari ini termasuk (18) kes dari Pusat Latihan Henry Gurney dan (18) kes lagi daripada Penjara Kepayan.
- c. Daripada (1,649) kes yg didaftar hari ini, (635) kes atau 38.51% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (142) kes atau 8.61% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (122) kes atau 7.40% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (932) kes atau 56.5%, Saringan Bergejala (481) kes atau 29.2%, (74) kes daripada Saringan Kluster dan (162) kes melalui Saringan Lain-lain.
- e. Daripada (1,649) kes yang berdaftar hari ini, (508) kes atau 30.8% adalah pesakit dalam Kategori 1, (1,061) kes atau 64.3% dalam Kategori 2, lapan (8) kes dalam Kategori 3, (12) kes dalam Kategori 4 dan lapan (8) kes dalam kategori 5. (52) kes masih dalam siasatan. 87.9% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- f. Setakat 12 September 2021 berdasarkan statistik CITF Negeri Sabah, 52.5% penduduk dewasa Sabah telah pun melengkapkan pengambilan vaksin dan 67.9% lagi telah memperolehi 1 dos.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (932) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	74	4.50%
2	Bergejala	481	29.20%
3	Kontak	932	56.50%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	162	9.80%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,649</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 12/09/2021	Catatan Kes 13/09/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	192	314	+122
2	Penampang	68	165	+97
3	Keningau	63	96	+33
4	Tambunan	22	47	+25
5	Kinabatangan	46	68	+22
6	Kudat	26	39	+13
7	Lahad Datu	99	108	+9
8	Beaufort	8	14	+6
9	Sipitang	9	9	Mendatar
10	Telupid	40	40	Mendatar
11	Sandakan	255	138	-117
12	Kota Marudu	100	43	-57
13	Papar	103	56	-47
14	Pitas	52	18	-34
15	Tawau	99	68	-31
16	Nabawan	26	8	-18
17	Ranau	73	56	-17
18	Kalabakan	23	8	-15
19	Beluran	43	29	-14
20	Putatan	64	52	-12
21	Tongod	17	7	-10
22	Kota Belud	49	42	-7
23	Tuaran	148	143	-5
24	Kunak	35	31	-4
25	Semporna	32	29	-3
26	Tenom	20	17	-3
27	Kuala Penyu	5	4	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>1,717</b>	<b>1,649</b>	<b>-68</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (30 Ogos – 12 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	163	117	0	34	314	5,316
Penampang	0	121	33	0	11	165	2,012
Tuaran	0	107	28	0	8	143	2,233
Sandakan	0	42	60	0	36	138	3,710
Lahad Datu	0	47	45	0	16	108	1,406
Keningau	18	55	18	0	5	96	1,283
Tawau	0	29	29	0	10	68	1,671
Kinabatangan	55	4	8	0	1	68	863
Papar	0	35	17	0	4	56	1,815
Ranau	0	39	7	0	10	56	766
Putatan	0	21	29	0	2	52	1,002
Tambunan	0	46	1	0	0	47	244
Kota Marudu	0	30	10	0	3	43	1,138
Kota Belud	0	18	24	0	0	42	1,071
Telupid	0	36	4	0	0	40	593
Kudat	0	27	11	0	1	39	683
Kunak	0	25	6	0	0	31	389
Beluran	0	23	2	0	4	29	484
Semporna	0	14	4	0	11	29	233
Pitas	0	7	10	0	1	18	586
Tenom	0	13	3	0	1	17	486
Beaufort	0	8	6	0	0	14	370
Sipitang	0	8	1	0	0	9	231
Nabawan	1	3	1	0	3	8	423
Kalabakan	0	0	7	0	1	8	250
Tongod	0	7	0	0	0	7	316
Kuala Penyu	0	4	0	0	0	4	91
<b>JUMLAH</b>	<b>74</b>	<b>932</b>	<b>481</b>	<b>0</b>	<b>162</b>	<b>1,649</b>	<b>29,665</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	18
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	1
Kinabatangan	Kluster Ladang Desa Jerocco 2	55
	<b>JUMLAH</b>	<b>74</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Ladang Desa Jerocco 2 - Kinabatangan** adalah kluster jenis tempat kerja iaitu di ladang sawit dalam Daerah Kinabatangan. Kes indeks merupakan penyelia ladang, lelaki, warganegara Indonesia, 39, yang disahkan positif COVID-19 oleh klinik panel ladang

setelah bergejala sejak 01 September 2021. Dengan keputusan RTK AG positif grading 100%, kes indeks telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan lanjut. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati 54 orang kontak sosial, pekerja dan tanggungan positif COVID-19. Setakat hari ini, 55 kes positif direkodkan dan semuanya adalah kes baharu yang dilaporkan. Sasaran, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan.

7 Jumlah kapasiti katil 7,242 unit

- Hospital 1,887 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,683 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 63.56%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 SEPTEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,593
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	12
Orang Dalam Tahanan /Banduan	44
<b>Jumlah</b>	<b>1,649</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	4
WP Kuala Lumpur	3
Negeri Sembilan	1
WP Labuan	2
Pulau Pinang	1
WP Putrajaya	1
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,449
Bukan Malaysia	200
<b>Jumlah</b>	<b>1,649</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	463
Belum Menerima Vaksin	431
Menerima 1 Dos	159
Lengkap 2 Dos	596
<b>Jumlah</b>	<b>1,649</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	21
1 to 5	125
6 to 17	317
18 to 59	1,015
>60	171
<b>Jumlah</b>	<b>1,649</b>

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 13 September 2021)
1	Ranau	9
2	Kota Belud	5
3	Kota Kinabalu	4
4	Tawau	4
5	Keningau	3
6	Kudat	3
7	Papar	3
8	Kota Marudu	2
9	Putatan	2
10	Beluran	1
11	Telupid	1
12	Tenom	1
13	Tongod	1
<b>JUMLAH</b>		<b>39</b>

**D KEBENARAN BAGI PREMIS AGENSI NOMBOR RAMALAN DAN KELAB LUMBA KUDA BEROPERASI**

- 1 Selaras dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk membenarkan operator perjudian yang dilesenkan oleh MOF dan Kelab Lumba Kuda di bawah Lembaga Totalisator Malaysia untuk beroperasi mulai 14 September 2021, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) telah bersetuju untuk membenarkan Agensi Nombor Ramalan dan Kelab Lumba Kuda beroperasi mulai 14 September 2021.
- 2 Adalah diingatkan bahawa semua pekerja dan pelanggan untuk aktiviti ini hendaklah telah lengkap divaksin dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera.

## **E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK **7,191** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,713,244 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **15,198** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,299,680 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 5,185 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 80,674 orang.
- 6 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 4,781 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,683,825 (Mysejahtera 1,604,961 : Laman Web 78,527 : Talian Vaksinasi 337) bersamaan 61.04%

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **595,112** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 85 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 28,103 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 180 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 33 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 10 Orang : Tiada Penjarakan Sosial
  - Lima (5) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
  - Tiga (3) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Lima (5) Orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
  - 10 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 116 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,060 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak sembilan (9) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tujuh (7) dikeluarkan di daerah Lahad Datu, satu (1) di Tawau dan satu (1) di Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 395 premis perniagaan dan 461 individu di 18 kawasan. Sepuluh (10) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Super Emoji, Lintas (2 Orang), KK Tiqa Sdn. Bhd., Lintas (2 Orang), The Whale Tea, Lintas Square (1 Orang), Restorang Seng Fung, Inanam Taipan (1 Orang) dan Sina Tej, Pekan Telipok (1 Orang). Kesalahan individu tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di KK Gadgets, Lintas (1 Orang). Kesalahan individu keluar rumah tanpa tujuan yang dibenarkan di Jalan Tun Fuad (2 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 264 Premis Perniagaan melibatkan 151 anggota APM. Sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan lapan (8) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 120 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan dilapang (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 430 hebahan di seluruh Sabah.

## H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	96.5%
2	Kinabatangan	96.5%
3	Keningau	96.5%
4	Tawau	96%
5	Penampang	96%
6	Tuaran	96%
7	Sipitang	96%
8	Tenom	96%
9	Kota Marudu	96%
10	Beluran	96%
11	Ranau	96%
12	Papar	96%
13	Kota Belud	95.5%
14	Lahad Datu	95.5%
15	Sandakan	95.5%
16	Kunak	95.5%
17	Kudat	95.5%
18	Semporna	95.5%
19	Kota Kinabalu	95%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Nota : Terdapat beberapa data belum diterima dan akan dilengkapkan kemudian apabila telah diterima.

**Sekian.**

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**